

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA TEE YONG [LABIS]

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Chua Tee Yong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemudahan dan bantuan yang ada untuk membantu rakyat bukan-Bumiputera Malaysia seperti yang diberikan oleh TERAJU, MARA, TEKUN, Equinas untuk menggalakkan keusahawanan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan masih memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penyertaan Bumiputera melalui pendekatan pembangunan secara inklusif. Pendekatan ini adalah untuk memastikan semua rakyat mendapat peluang yang saksama dalam ekonomi tanpa ada kumpulan etnik yang terpinggir, khususnya Bumiputera. Pada masa yang sama, Kerajaan juga komited membantu rakyat bukan Bumiputera dalam menggalakkan keusahawanan. Ini dapat dilihat daripada penyertaan bukan Bumiputera dalam pelbagai program dan bantuan keusahawanan yang disediakan oleh 15 Kementerian dan lebih 60 agensi Kerajaan dengan memfokuskan kepada 5 bidang iaitu:

- i) akses kepada pembiayaan;
- ii) penerapan inovasi dan teknologi;
- iii) pembangunan modal insan;
- iv) akses kepada pasaran; dan
- v) bantuan infrastruktur.

Sebagai contoh, usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) boleh mendapatkan bantuan pembiayaan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah melalui *Business Accelerator Programme* (BAP) di bawah SME Corp. yang telah diperkenalkan sejak tahun 2011. Sehingga April 2014, seramai 163 usahawan kaum Cina daripada 322 usahawan (51%) telah mendapat faedah melalui program ini dengan jumlah geran yang diluluskan sebanyak RM22.32 juta dan pinjaman mudah sebanyak RM15.99 juta.

Selain itu, usahawan PKS daripada kaum India juga mendapat manfaat daripada Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI) di bawah program TEKUN dalam bentuk kemudahan pinjaman mudah perniagaan. Program ini telah menyediakan peruntukan berjumlah

RM164,274,400 kepada 13,161 usahawan India daripada tahun 2008 sehingga April 2014. Untuk makluman ahli – ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2013, seramai 142,912 usahawan bukan bumiputera telah mendapat manfaat daripada 100 program pembangunan keusahawanan dengan perbelanjaan sebanyak RM3.9bil.

Sekian, terima kasih.